

Kehadiran Najib Di Persidangan Asean-india Akan Tingkatkan Lagi Hubungan Dua Hala

Bernama

02 November, 2012

Oleh Saraswathi Muniappan

NEW DELHI, 2 Nov (Bernama) -- Kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Persidangan Peringatan Asean-India di sini bulan depan akan terus mengukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara, kata Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India, Datuk Tan Seng Sung.

Persidangan itu yang menandakan ulang tahun ke-20 hubungan Putrajaya-New Delhi tahun ini, akan diadakan pada 21 dan 22 Dis.

"Hubungan kita terus mengukuh selepas lawatan Perdana Menteri Najib pada Januari 2010," kata beliau kepada media Malaysia di sini hari ini.

Lawatan balas oleh Perdana Menteri India, Dr Manmohan Singh pada bulan Oktober tahun yang sama merupakan petanda kukuh hubungan dua hala yang rapat antara New Delhi dan Kuala Lumpur, kata beliau.

"Hasil kedua-dua lawatan itu menyaksikan muktamadnya Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-India (CECA), yang telahpun berkuat kuasa," kata beliau.

Tan berkata CECA telah menyumbang dengan ketara kepada perdagangan dua hala antara kedua-dua negara.

CECA membayangkan liberalisasi perdagangan dalam barangan, perdagangan dan perkhidmatan, pelaburan dan bidang lain kerjasama ekonomi.

Tahun lepas, jumlah perdagangan antara Malaysia dan India meningkat hampir 33 peratus untuk mencecah US\$12.5 bilion.

Eksport Malaysia ke India meningkat kira-kira 35 peratus kepada US\$9.3 bilion sementara import mengukuh hampir 28 peratus kepada US\$3.3 bilion.

Unjuran perdagangan dua hala ialah US\$15 bilion menjelang 2015. Bagaimanapun, dengan aliran dagangan yang rancak antara kedua-dua negara, sasaran itu boleh dicapai lebih awal, kata beliau.

Tan berkata Forum Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia-India juga akan diadakan.

"Saya lihat ini sebagai platform penting untuk mempromosikan kerjasama strategik antara para pemimpin korporat kedua-dua negara bukan sahaja di sini tetapi juga di negara ketiga," kata beliau.

Syarikat-syarikat Malaysia seharusnya mengambil kesempatan di atas hubungan yang kukuh ini dan mempromosikan Malaysia di Asean, tambah beliau.

-- BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=706669>